
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

JMK 216 – Sastera Rakyat Nusantara: Teori, Metadologi dan Analisis

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Soalan Bahagian A WAJIB dijawab. Pilih dan jawab mana-mana TIGA soalan daripada Bahagian B.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

BAHAGIAN A. Soalan ini MESTI dijawab.

1. Anda dikehendaki membincangkan tiga (3) teori sastera rakyat di bawah ini. Huraikan dengan jelas serta berikan contoh-contoh yang berkaitan daripada sastera rakyat Nusantara.

- i) *Oral-Formulaic*
- ii) *Structuralism*
- iii) *Psychoanalytical*

(25 markah)

BAHAGIAN B. Jawab TIGA soalan sahaja.

2. Bincangkan tentang unsur-unsur lucu atau jenaka dalam cerita-cerita jenaka Melayu. Sejauh manakah terdapat nilai pengajaran dan kritikan dalam cerita-cerita jenaka itu? Lengkapkan jawapan anda dengan mengambil contoh-contoh daripada cerita-cerita jenaka seperti Pak Pandir-Mak Andir, Pak Andih-Mak Andih, Lebai Malang, Pak Kaduk dan Si Luncai.

(25 markah)

3. “Di antara genre sastera rakyat Melayu, cerita-cerita penglipur lara adalah cerita-cerita yang paling menarik hati”.

Huraikan dengan jelas aspek-aspek yang menarik hati dalam cerita-cerita penglipur lara Melayu itu.

(25 markah)

4. “Cerita-cerita teladan seperti Bawang Putih Bawang Merah, Jong Batu, Nakhoda Tenggang, Malim Kundang Anak Derhaka dan cerita-cerita binatang yang bertajuk Sang Kancil mengandungi unsur-unsur hiburan, pengajaran dan kritikan yang tinggi mutunya sebagai panduan hidup khususnya bagi masyarakat Melayu”.

Beri pendapat anda tentang kenyataan di atas.

(25 markah)

5. Tulis satu perbincangan ringkas mengenai kedudukan cerita-cerita hantu dalam sastera rakyat Nusantara terkini.

(25 markah)